



Headline: 'Semak jika was-was'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 27 December 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 8

'Semak jika was-was'

Polis kesal masyarakat masih tiada kesedaran dan lewat bertindak

SHAH ALAM

Orang ramai diingatkan supaya membuat semakan terlebih dahulu sekiranya dihubungi oleh individu yang menyamar daripada mana-mana jabatan mahupun agensi penguatkuasaan di balai polis berdekatan bagi mengelak menjadi mangsa scammer.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Zakaria Ahmad

berkata, langkah itu terutama jika pihak terbabit meminta nombor akaun bagi tujuan pemindahan wang dan seumpamanya.

"Kesilapan paling besar adalah tidak merujuk terlebih dahulu status diri menyebabkan mereka memberi ruang menjadi mangsa sindiket yang begitu licik mencari mangsa.

"Sepatutnya mangsa membuat semakan dengan pihak berkenaan atau polis sekiranya mereka berasa was-was," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, pihaknya kesal apabila perkara itu seolah-olah tiada kesedaran

meskipun ia melibatkan kerugian sehingga beratus-ratus ribu ringgit.

"Boleh dikatakan hari-hari keluar berita berkaitan scammer sama ada di akhbar, televisyen, radio dan di media sosial tetapi masih ada yang dilaporkan menjadi mangsa.

"Sebab mereka ambil mudah tentang isu itu dan tiada kesedaran," katanya.

Katanya, lebih malang lagi mereka yang menjadi mangsa dalam kalangan cerdik pandai dan juga golongan profesional.

Namun beliau juga berpendapat kemungkinan individu terbabit itu ada membuat 'kesalahan' menyebabkan mereka terpedaya dengan sindiket ini.

"Orang ramai boleh menyemak jika sindiket memberikan nombor akaun untuk tujuan pemindahan wang dan seumpamanya melalui <http://ccid.rmp.gov.my/semaknule/> bagi melihat sama ada akaun itu pernah disiasat atau sebaliknya," kata beliau.



KES 1: Jun 2019

Tabungan ASB dan TH lesap

SEREMBAN - Seorang jurutera kerugian RM280,000 wang simpanan Tabung Haji dan RM70,000 wang Amanah Saham Bumiputera (ASB) selepas diperdaya sindiket Macau Scam.

Lelaki berusia 41 tahun itu dihubungi wanita yang mendakwa bekerja di Ibu Pejabat Pos Kuala Lumpur bagi memberitahu bahawa mangsa memiliki sebuah bungkusan mengandungi kad pengenalan dan jaket hitam.

Selepas mangsa menafikan, panggilan tersebut disambung kepada seorang lelaki yang mendakwa berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah.

Anggota itu memberitahu mangsa terbabit dalam aktiviti penggubahan wang haram dan dadah sebelum mengirimitkan waran tangkap melalui aplikasi WhatsApp.

Jika mahu kes diselesaikan, mangsa diminta membuka akaun bank serta memasukkan RM70,000 wang ASB miliknya dan RM280,000 wang simpanan Tabung Haji ke dalam akaun berkenaan.

KES 2: Disember 2019

Bahana 'suami' Facebook

JOHOR BAHRU - Akibat dilamun cinta, seorang suri rumah kerugian RM380,000 gara-gara tertipu dengan lelaki didakwa 'suaminya' yang dikenali melalui laman Facebook sejak setahun lalu.

'Suami' kepada mangsa berusia 50 tahun itu merupakan seorang warganegara Amerika Syarikat dan ditahan pihak berkuasa Malaysia kerana mahu membawa masuk barang bernilai RM800 juta.

Lelaki tersebut memerlukan sejumlah wang untuk dibebaskan dan dibenarkan pulang ke negara asal.

Selain wang simpanan, mangsa turut menjual rumah bernilai RM230,000 dan meminjam wang milik kakak berjumlah RM100,000 untuk diserahkan kepada individu yang menyamar sebagai ejen Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

KES 3: Disember 2019

Diperdaya pemberi pinjaman palsu

KUANTAN - Bukan sahaja hasrat memperbesarkan perniagaan tidak tercapai, malah seorang lelaki turut kehilangan RM49,500 selepas diperdaya oleh syarikat pemberi pinjaman wang yang tidak wujud.

Mangsa menerima panggilan telefon daripada seseorang yang mempromosikan tawaran pinjaman kewangan dengan kadar faedah rendah.

Mangsa tertarik untuk membuat pinjaman RM80,000 namun mangsa perlu membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM1,660 secara dalam talian ke akaun yang diberikan.

Beberapa hari kemudian, suspek menghubungi mangsa bagi memaklumkan pinjaman tersebut diluluskan dan mangsa diminta membuat bayaran pemrosesan sebelum wang itu dapat dikeluarkan.

Mangsa turut dikenakan beberapa jenis bayaran lain dengan pembayaran dilakukan secara berperingkat ke dalam pelbagai akaun bank berbeza.